

Terap minat tuntut ilmu dalam kalangan masyarakat Orang Asli



Pelajar melakukan aktiviti bersama-sama kanak-kanak Orang Asli.

Hulu Langat: Bagi menerapkan minat anak Orang Asli dalam menuntut ilmu, Kelab Eleventh Volunteer, Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas (K11), Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan Program Jalinan Kasih pada Kampung Orang Asli, di sini, baru-baru ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pemprosesan Makanan UPM, Suganthi Selvadurai, berkata menerusi program itu, peserta dapat menyedarkan masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan pada peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

"Saya bangga kerana

dapat membantu menaik taraf hidup masyarakat setempat dengan perkongsian ilmu bersama mereka.

"Selain itu, turut diadakan ialah ceramah kebersihan, sukaneka dan aktiviti gotong royong di sekitar kampung bersama masyarakat berkenaan," katanya.

Mudah berinteraksi

Seorang lagi peserta program, Nur Afifah Ngasri, berkata pelajar universiti bertanggungjawab untuk membantu masyarakat luar bandar dalam aspek pendidikan.

"Melihat gelagat anak Orang Asli, kebanyakannya mereka begitu pembeda pada permulaannya, tetapi selepas sesi berkenalan, mereka mudah berinteraksi bersama

kami," katanya.

Program membabitkan 46 pelajar K11 yang mendapat sokongan Jabatan Kemanusiaan Orang Asli (JAKOA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM itu bertujuan untuk menerap kepentingan menuntut ilmu serta mengejarangkan hubungan pelajar dengan masyarakat desa.

Sementara itu, Siti Bassiyrah Ibrahim, berkata program itu diadakan kerana mendapat ramai anak Orang Asli tidak mempunyai sijil kelahiran sehingga menyebabkan ibu bapa sukar menghantar mereka ke sekolah.

"Program itu bukan sahaja disertai oleh kanak-kanak, malah turut dihadiri golongan dewasa Orang Asli untuk bersama-sama menuntut ilmu," katanya.



Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas UPM
menganjurkan program Jalinan Kasih di kampung Orang Asli.